

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN LISAN**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID BIN  
IBRAHIM [ BANDAR TUN RAZAK ]**

**TARIKH : RABU, 10 JUN 2015**

**SOALAN:**

**Tan Sri Dato' Seri Abd Khalid bin Ibrahim [ Bandar Tun Razak ] minta  
MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan perincian  
rancangan tebatan banjir menyeluruh di seluruh negara untuk lima tahun  
akan datang termasuk jumlah peruntukan, sumber pembiayaan,  
mekanisme spesifik mengikut ciri-ciri kawasan tertentu, kesan limpahan  
sosioekonomi setempat, impak persekitaran dan sebagainya.**

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) telah memohon peruntukan bagi melaksanakan projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) dalam RMK-11 sebanyak RM11.4 bilion bagi projek baru manakala RM1.686 bilion bagi projek sambungan.

Konsep pengurusan banjir dan tahap perlindungan bagi setiap lokasi disesuaikan mengikut keadaan persekitaran dan bentuk muka bumi dengan menggunakan pendekatan gabungan dari kaedah struktur dan bukan struktur. Contohnya, jika terdapat kolam bebas lombong, tapak sebegini boleh dimanfaatkan sebagai kolam takungan banjir. Manakala, bagi kawasan di dalam bandar yang tidak mempunyai banyak ruang, kaedah saluran menggunakan elemen konkrit boleh digunapakai untuk mengukuhkan tebing selain dapat memastikan kapasiti saluran mencukupi untuk menyalurkan air.

Selain itu, jika di sesuatu kawasan terdapat kawasan dataran banjir, JPS akan memberikan ulasan agar tiada pembangunan berisiko dibangunkan

di kawasan tersebut. JPS juga akan mencadangkan agar tempat tersebut dibangunkan sebagai kawasan kolam takungan banjir secara *offline*.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, bagi permohonan projek-projek dalam RMK-11, pihak EPU JPM telah memperkenalkan kaedah pengiraan *Creativity Index (CI)* yang mana telah mengambil kira faktor-faktor sosioekonomi dan impak setempat .

Sekian, terima kasih